

UUM ONLINE: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Dr Rosna Awang Hashim berkata, Program Graduate Excellence Assistance Training (GREAT) dapat membantu UUM melahirkan graduan yang serba boleh dan proaktif serta fleksibel.

"Program sebegini, dapat membantu universiti dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik, malah graduan yang serba boleh yang dapat bersaing dengan graduan dari universiti lain dalam alam pekerjaan nanti" ujar beliau.

Beliau juga berkata, program GREAT yang dianjurkan oleh Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) ini boleh memberi bimbingan serta membina sahsiah diri dalam alam pekerjaan dan seterusnya mempunyai keyakinan diri yang boleh meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Sementara itu, Perunding Imej Profesional daripada Chapter One Asia Sdn Bhd, Caitlyn Teoh berkata, penampilan serta imej memainkan peranan penting dalam memperoleh pandangan yang baik dan positif dalam proses temuduga oleh bakal majikan.

"Senyuman, penampilan dan pandangan mata yang baik, cara berjabat tangan yang betul serta bertutur dengan lancar dapat meningkatkan nilai pandangan pertama yang baik bakal majikan dalam mengambil anda sebagai pekerja" tambah Caitlyn yang juga penceramah jemputan program berkenaan.

Beliau juga menekankan aspek pemakaian dan teknik solekan yang betul untuk membantu graduan dalam memudahkan proses memperoleh pekerjaan.

Penganjuran Program GREAT yang diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar semester akhir UUM dengan kemahiran-kemahiran *soft skill* dan *interpersonal skill* dalam alam pekerjaan yang bakal mereka tempuhi nanti.

Turut hadir dalam program yang berlangsung di Dewan Mu'adzam Shah, baru-baru ini ialah, Pengarah CUIC, Prof Madya Dr Hartini Ahmad dan Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni UUM *College of Arts and Sciences* (CAS), Prof Madya Dr Engku Muhammad Nazri Engku Abu Bakar.

Habis.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my